

**Dasar Pentadbiran dan Pembangunan Wilayah Sempadan Selatan  
Tahun 2017-2019**

**Jabatan Majlis Keselamatan Negara  
Jabatan Perdana Menteri**

## Pendahuluan

Jabatan Majlis Keselamatan Negara telah menciptakan **Dasar Pentadbiran dan Pembangunan Wilayah Sempadan Selatan Tahun 2017-2019** mengikut perkara yang ke-4, Akta Pentadbiran Kerajaan Wilayah Sempadan Selatan Tahun 2010 yang mengarahkan supaya mengemukakan dasar tersebut kepada Majlis Keselamatan Negara dan Jemaah Menteri supaya membincang, memberi pengesahan dan mengemukakan pula kepada Parlimen mengambil maklum. Dengan itu, supaya jabatan-jabatan kerajaan menggunakannya sebagai garisan utama dalam pelaksanaan kerja secara bersestematik dan berterusan dalam menyelesaikan masalah wilayah sempadan Selatan yang meliputi segala dimensi kerja pembangunan dan keselamatan.

Dalam penciptaan dasar tersebut, Jabatan Majlis Keselamatan Negara telah menggunakan proses permuafakatan secara luas dari pihak kerajaan, ahli akademik dari kawasan tengah dan tempatan termasuk pemimpin agama, pihak penduduk dan dokumen ilmiah dengan garisan haluan yang masih berterusan dari isu yang telah diterima dari dasar pentadbiran dan pembangunan wilayah sempadan Selatan tahun 2012-2014 yang menerima strategi anugerah daripada baginda Raja Bhumibol “**Memahami, Mendekati, Membangun**” dan “**Falsafah Ekonomi Mencukupi**”. Termasuk juga memberi kepentingan dalam mencipta perpaduan dari segi pengubahsuaian oleh setiap jabatan demi menukar dasar menjadi pelaksanaan serta menambah mutu pegawai kerajaan yang bertugas di dalam kawasan dan menjalankan proses dialog keamanan wilayah sempadan Selatan.

Dasar Pentadbiran dan Pembangunan Wilayah Sempadan Selatan Tahun 2017-2019 ini telah menentukan visi menuju kepada “**Masyarakat wilayah sempadan Selatan yang mempunyai keselamatan, tanpa syarat penyebab kepada keganasan. Jalanan kehidupan semua dilindungi dan dibangunkan di atas dasar masyarakat berpelbagaian budaya dan bermuafakat dalam proses penciptaan keamanan yang kekal**” berserta tujuan dasar sebanyak 6 perkara iaitu 1) supaya wilayah sempadan Selatan mempunyai keselamatan dan keamanan, 2) supaya membangunkan permuafakatan dari setiap pihak, 3) supaya masyarakat Thai dan masyarakat tempatan mengakui dan berpandang nilai kehidupan bersama di bawah masyarakat berpelbagaian budaya dan sama-sama bertanggungjawab dalam penyelesaian masalah wilayah sempadan Selatan, 4) supaya membangun kebolehan insan, masyarakat dan ekonomi, 5) supaya menciptakan keyakinan dan penjaminan secara berterusan dari segi proses dialog keamanan wilayah sempadan Selatan, dan 6) supaya mencipta pemahaman tentang suasana sebenar yang berlaku kepada masyarakat di dalam dan luar negara.

Dalam penggerakan dasar ke arah pelaksanaan, Jabatan Majlis Keselamatan Negara telah bermuafakat dengan jabatan yang berkaitan menciptakan jadual penjalinan selaras yang menunjukkan kesambungan tugas mengikut dasar, strategi dan pelan utama yang berkaitan dengan Dasar Pentadbiran dan Pembangunan Wilayah Sempadan Selatan Tahun 2017-2019 serta menentukan jabatan tuan rumah dan jabatan yang bertanggungjawab secara nyata. Jabatan Majlis Keselamatan Negara berharap bahawa setiap jabatan kerajaan dan pihak yang berkaitan, sama-sama mengumpul tenaga untuk menggerakkan dasar tersebut ke arah pelaksanaan berbentuk permuafakatan yang sepadu dan bermutu.

## Jabatan Majlis Keselamatan Negara

Diluluskan oleh

Jeneral .....tandatangan.....

(Thawip Netniyom)

Setiausaha Agong Majlis Keselamatan Negara



No.ro. 0503/35410

Jabatan Setiausaha Agong Jemaah Menteri,

Pusat Pentadbiran Negara, Bangkok 10300

22 September 2016

Perkara	Draf Dasar Pentadbiran dan Pembangunan Wilayah Sempadan Selatan Tahun 2017-2019
Kepada	Setiausaha Agong Majlis Keselamatan Negara
Surat rujukan	Surat Jabatan Majlis Keselamatan Negara, amat sulit, tersegera bilangan no.ro. 0807/1544 bertarikh 6 September 2016
Lampiran	1. Senarai surat yang dihantar 2. Senarai nama mereka yang telah dimaklumkan keputusan Jemaah Menteri berkaitan perkara ini.

Berdasarkan pengemukaan Draf Dasar Pentadbiran dan Pembangunan Wilayah Sempadan Selatan Tahun 2017-2019 untuk mengambil tindakan, butir-butiran lanjut seperti yang telah dinyatakan itu,

Jabatan yang berkaitan telah mengemukakan pendapat untuk dipertimbangkan oleh Jemaah Menteri, butir-butiran lanjut adalah mengikut salinan surat yang dilampirkan ini.

Jemaah Menteri telah mesyuarat pada 20 September 2016 dan telah membuat keputusan bahawa:

1) diluluskan Draf Dasar Pentadbiran dan Pembangunan Wilayah Sempadan Selatan Tahun 2017-2019 seperti yang dikemukakan oleh Jabatan Majlis Keselamatan Negara dan dibentangkan Dewan Perundangan Negara supaya mengambil maklum mengikut Perkara yang ke-4, Akta Pentadbiran Kerajaan Wilayah Sempadan Selatan Tahun 2010 supaya digunakan oleh jabatan-jabatan kerajaan sebagai garisan panduan dalam pelaksanaan secara bersistematik dan berterusan. Dengan itu, diarahkan jabatan yang berkaitan menerima pendapat dari Jabatan Belanjawan untuk dipertimbangkan dalam melalukan tindakan.

2) diluluskan draf jadual penyelarasan yang menyatakan perhubungan antara tugas, dasar, strategi dan pelan utama yang berkaitan dengan Dasar Pentadbiran dan Pembangunan Wilayah Sempadan Selatan Tahun 2017-2019 yang dikemukakan oleh Jabatan Majlis Keselamatan Negara dengan menerima pendapat Kementerian Pendidikan dan Pejabat Setiausaha Kementerian Jabatan Perdana Menteri untuk dipertimbangkan dan diarahkan melaksanakan seterusnya.

3) diarahkan Jabatan Majlis Keselamatan Negara menerima pendapat Jabatan Ahli Jawatankuasa Pembangunan Ekonomi dan Masyarakat Negara untuk dipertimbangkan.

Justeru itu, dinyatakan untuk mengambil maklum dan melaksanakan mengikut keputusan Jemaah Menteri dalam hal yang berkaitan seterusnya. Dengan itu, Pejabat Setiausaha Agong Jemaah Menteri telah mengemukakan draf dasar dalam perkara ini supaya Dewan

Perundangan Negara mengambil maklum dan diminta menghantar buku draf dasar tersebut sebanyak 750 buah kepada Pejabat Setiausaha Agong Dewan Negara bertugas sebagai Pejabat Setiausaha Agong Dewan Perundangan Negara secara langsung seterusnya. Setelah Dewan Perundangan Negara telah mengambil maklum, diarahkan Jabatan Majlis Keselamatan Negara memaklumkan jabatan yang berkaitan melaksanakan mengikut keputusan Jemaah Menteri seterusnya. Selanjutnya, diarahkan Jabatan Majlis Keselamatan Negara membatalkan peringkat rahsia rancangan ini mulai selepas Jemaah Menteri membuat keputusan.

Dengan hormat

(Encik Thiraphong Wongsiwawilat)

Timbalan Setiausaha Agong Jemaah Menteri,  
bertugas sebagai Setiausaha Agong Jemaah Menteri

Jabatan Perundangan

Telefon : 0 2280 9000 sambung 308

Faks : 0 2280 9058 (Sa Jemaah Menteri 2558 056)

## KANDUNGAN

	Halaman
1. Pendahuluan	6
2. Suasana	6
3. Garisan pemikiran dasar (4 perkara)	8
4. Visi	8
5. Tujuan (6 perkara)	9
6. Dasar (23 perkara)	9
7. Pentadbiran pengurusan (3 perkara)	13
8. Faktor kejayaan (3 perkara)	14

# Dasar Pentadbiran dan Pembangunan Wilayah Sempadan Selatan

Tahun 2017-2019

## 1. Pendahuluan

Dasar Pentadbiran dan Pembangunan Wilayah Sempadan Selatan Tahun 2017-2019 diciptakan mengikut Akta Pentadbiran Kerajaan Wilayah Sempadan Selatan Tahun 2010, perkara ke-4 yang mengarahkan Jabatan Majlis Keselamatan Negara mengadakan dasar tersebut supaya mengemukakan kepada Majlis Keselamatan Negara dan Jemaah Menteri berbincang serta mengesahkan. Selepas itu Jemaah Menteri membentangkan di Parlimen supaya mengambil maklum mengikut peraturan. Dasar tersebut mesti mengandungi isi penting sekurang-kurangnya meliputi dari segi pembangunan dan keselamatan yang berdasarkan pendapat penduduk setiap lapisan demi dasar tersebut sesuai dengan kehendak dan menjalin selaras dengan jalanan kehidupan rakyat, agama, budaya, identiti, perkauman dan sejarah tempatan di wilayah sempadan Selatan serta sepadu dengan dasar utama negara.

Penciptaan dasar pada kali ini, **Jabatan Majlis Keselamatan Negara telah menggunakan proses permuafakatan dalam menerima pendapat dari segenap pihak yang penting** antaranya jabatan-jabatan kerajaan, ahli akademik tempatan dan bahagian pusat, pemimpin dan wakil agama, pihak penduduk tempatan, kumpulan media, wanita dan remaja serta pesalah dari kes keselamatan. Selain daripada itu, data berbentuk dokumen akademik juga digunakan bersama-sama dengan data dari pentas seminar yang berkaitan dan penilaian dari Dasar Pentadbiran dan Pembangunan Wilayah Sempadan Selatan Tahun 2012-2014.

Dapat disimpulkan bahawa, Dasar Pentadbiran dan Pembangunan Wilayah Sempadan Selatan ini masih mengikut landasan yang telah diterima baik oleh setiap pihak secara berterusan iaitu penyelesaian masalah berteraskan strategi anugerah baginda Raja Bhumibol, “**Memahami, Mendekati, Membangun**” dan “**Falsafah Ekonomi Mencukupi**”. Dasar ini menitikberatkan penciptaan perpaduan dan penyesuaian setiap jabatan kerajaan dalam pengubahan dasar kepada pelaksanaan yang berkesan, penambahan mutu pegawai kerajaan yang bertugas di kawasan tersebut. penentuan proses dialog keamanan sebagai Agenda Negara dengan memberi kepentingan secara berterusan dan permuafakatan dari setiap pihak. Kesemua ini akan menggunakan dialog sebagai jalan penyelesaian masalah di wilayah sempadan Selatan serta memberi kepentingan kepada masyarakat berpelbagaian budaya yang sedia ada di kawasan sempadan Selatan.

## 2. Suasana

**Dahulu**, suasana wilayah sempadan Selatan Thai mempunyai pergolakan dan keganasan yang berterusan berdasarkan masalah yang begitu rumit, berhalusi dan bersangkut paut pelbagai segi. Dengan itu, faktor utama sebagai penyebab berlaku masalah iaitu perkauman, agama, budaya dan sejarah yang kawasan tersebut mempunyai identiti tertentu. Manakala penduduk pula ingin bermuafakat dalam menentukan jalanan kehidupan mereka dalam suasana masyarakat Thai di bawah persefahaman dan penerimaan mereka atas dasar identiti yang sedia ada. Walau bagaimanapun, keganasan yang berlaku secara berterusan, adalah akibat daripada sekumpulan orang yang mempunyai pendapat berlainan daripada kerajaan, rasa dendam, rasa tidak mendapat keadilan dari tindakan kerajaan, lalu menjadikan sebagai sebab untuk berlawan dengan kerajaan secara kekerasan yang membawa kepada berlakunya suasana ketakutan, ketidakpercayaan antara kerajaan dengan penduduk dan antara penduduk sesama penduduk sendiri. Selain daripada itu, suasana tersebut telah mengakibatkan secara langsung dan tidak langsung kepada kemusnahan jiwa dan harta benda penduduk tempatan. Selain daripada itu, ketidakfahaman dan tidak memandangi nilai kepelbagaian kebudayaan yang sebenar oleh sesetengah pihak, telah dijadikan sebagai sebab dan hak dalam melakukan keganasan yang mengakibatkan penduduk ragu-ragu dan menerima ketidakadilan dari

sesetengah pegawai kerajaan. Manakala pembangunan tempatan, tidak kira di segi pembangunan ekonomi, mutu kehidupan, masyarakat dan pendidikan ketika itu tidak sesuai dengan identiti tempatan. Bertambah lagi pentadbiran dan pengurusan dari pihak kerajaan tidak bersatu padu dan belum bermuafakat secara bersungguh-sungguh, membuatkan berlaku suasana keganasan dan tidak aman seperti tersebut.

**Sekarang**, suasana keganasan di wilayah sempadan Selatan berkecenderungan kepada **berkurang** tetapi masih mempunyai keganasan dan pergolakan yang berterusan. Suasana tersebut masih didorong oleh faktor-faktor yang sama iaitu perkauman, agama, budaya dan sejarah sebagai penyebab dan hak melakukan keganasan. Walau bagaimanapun, suasana keganasan yang bermula sejak 2004 sehingga sekarang dianggapkan sebagai suasana yang berhalusan dan begitu amat memberi kesan kepada keselamatan kerana merupakan masalah keganasan yang berpunca daripada syarat yang begitu rumit dan berangkaian kepada 3 peringkat iaitu 1) **syarat peringkat individu** yang berlaku dari kumpulan yang berpendapat berbeza daripada kerajaan. Penciptaan syarat oleh sesetengah pegawai kerajaan, bahaya yang tidak disangka dan penggunaan keganasan yang berpunca daripada perasaan dendam dan kebencian 2) **syarat peringkat struktur** iaitu struktur pemerintahan dan pentadbiran kerajaan. Walau terdapat pembahagian kuasa pemerintahan tetapi sebahagian penduduk masih tidak berpuas hati, masih rasa tidak dapat keadilan, dipilih kasih dan tidak berkuasa dalam urusan pentadbiran tempatan yang sebenar, dan 3) **syarat peringkat kebudayaan**, sebahagian penduduk Thai berbangsa Melayu di kawasan tempatan merasai mereka terasing, tidak merupakan sebahagian dari masyarakat Thai. Mereka berpendapat bahawa tindakan sesetengah pegawai kerajaan masih dilakukan tanpa berpengetahuan dan pemahaman, masih meragui dan beranggapan salah serta tidak selaras dengan kebudayaan dan jalanan kehidupan penduduk tempatan. Oleh itu, perkara tersebut merupakan syarat bagi sebahagian penduduk tempatan **menerima dan bersetuju dengan kumpulan yang menggunakan keganasan, serta merupakan syarat penting kumpulan yang berpendapat berbeza dengan kerajaan menggunakan syarat tersebut sebagai alasan dan hak untuk melakukan keganasan dalam perjuangan menuju ke tujuan mereka.**

Selain daripada itu, perubahan secara cepat dan berhalusi dalam masyarakat Thai dan masyarakat dunia dari segi politik, ekonomi, masyarakat dan teknologi telah memberi kesan kepada masyarakat wilayah sempadan Selatan terutamanya pengubahsuaian dan penjagaan identiti mereka serta melangkah ke hadapan bersama-sama dengan perubahan tersebut. Tambah lagi, masyarakat tempatan terpaksa pula menghadapi masalah rumit yang penting iaitu masalah dadah di kalangan remaja, masalah kemiskinan dan perasaan ketidakadilan dalam masyarakat. Selain daripada itu, faktor tambahan yang mendorongkan berlakunya masalah iaitu arus dari luaran seperti arus perasaan taasub dengan kawasan tempatan, arus berjihad secara kekerasan, arus pergolakan antara Dunia Barat dengan Dunia Islam dan arus hak dari segi politik dan kewarganegaraan. Kesemua ini membuatkan suasana dan masalah tersebut bertambah rumit lagi.

**Perubahan yang merupakan akibat dari pelaksanaan mengikut Dasar Pentadbiran dan Pembangunan Wilayah Sempadan Selatan Tahun 2012-2014 yang lalu telah diterima oleh setiap pihak membuatkan penyelesaian masalah dan pembangunan wilayah sempadan Selatan maju ke hadapan secara berperingkat.** Pihak kerajaan telah mengubahsuaikan cara penyelesaian masalah supaya lebih sesuai dengan suasana tempatan seperti pengurusan sistem pelaksanaan dari segi keselamatan dan pembangunan supaya sama-sama dapat menyalin lebih baik, mengubahsuaikan pejabat-pejabat pentadbiran supaya bersatu padu, terdapat penyatuan perbelanjaan pelan pelaksanaan projek supaya berjalan mengikut tujuan projek, dan menambah mutu pegawai kerajaan supaya dapat menjalankan kerja-kerja

penyelesaian masalah dengan betul. Dengan itu, terdapat hasil kemajuan yang nyata iaitu terdapat pentas berdialog keamanan di wilayah sempadan Selatan di dalam dan luar negara. Manakala pihak penduduk masyarakat dan rakyat mempunyai keberanian dan tambah berperanan dalam menyelesaikan masalah dan membangunkan kawasan wilayah sempadan Selatan. Pihak kerajaan dan pegawai kerajaan dapat menyesuaikan diri, membangunkan pengetahuan, pemahaman dan tambah bertungkus lumus dalam menyelesaikan masalah sehingga setiap pihak mempunyai keyakinan untuk bermuafakat dan membina keamanan. Walau bagaimanapun, halangan penting iaitu pengubahan dasar ke tahap pelaksanaan dan pembinaan perpaduan serta pengubahan cara bekerja sama di kalangan jabatan kerajaan pada tahap yang lebih tinggi.

**Di peringkat seterusnya, berkecenderungan kepada penyelesaian masalah mengikut hala tuju yang lebih baik iaitu** 1) pihak kerajaan mempunyai hala tuju dan peningkatan dalam penyelesaian masalah, mempunyai fahaman tentang jalanan kehidupan dan suasana masyarakat berpelbagaian budaya, mengambil maklum tentang masalah dan kehendak penduduk tempatan secara langsung. 2) permuafakatan dalam penyelesaian masalah dan pembangunan tempatan oleh pihak penduduk, penghuni masyarakat, wanita dan remaja dalam jumlah yang bertambah. 3) masyarakat antarabangsa dan pertubuhan luar negara mempunyai fahaman dan memberi sokongan dalam menyelesaikan masalah di wilayah sempadan Selatan. 4) proses dialog keamanan wilayah sempadan Selatan di dalam dan luar negara dapat berterusan; dan yang ke-5) penyatuan Komuniti Asean dianggap sebagai peluang penting penduduk tempatan kerana kawasan wilayah sempadan Selatan mempunyai kelebihan dari segi geografi serta kelebihan dari segi bahasa, budaya, sumber alam sekitar dan perhubungan dengan negara jiran yang akan membawa kepada penyelesaian masalah dan pembangunan wilayah sempadan Selatan secara bersama.

### **3. Garisan Pemikiran Dasar**

Supaya dasar pentadbiran dan pembangunan wilayah sempadan Selatan dalam tempoh masa seterusnya mempunyai hala tuju yang nyata dan berterusan dari Dasar Pentadbiran dan Pembangunan Wilayah Sempadan Selatan Tahun 2012-2014 serta jabatan yang menerima tanggungjawab mampu menggunakan garisan pelaksanaan dalam menciptakan strategi dan pelan pelaksanaan tindakan yang sesuai berdasarkan strategi anugerah baginda Raja “**Memahami, Mendekati, Membangun**” dan “**Falsafah Ekonomi Mencukupi**”, maka ditentukan garisan pemikiran dasar adalah seperti berikut:

3.1 Pegangan teguh dalam prinsip penyelesaian masalah secara aman dengan mengubah pergolakan secara ganas kepada secara aman.

3.2 Penggunaan proses permuafakatan dari segenap pihak secara bersungguh-sungguh.

3.3 Pentadbiran pengurusan berdasarkan masyarakat berpelbagaian budaya dalam menyelesaikan masalah dan membangunkan kawasan tempatan.

3.4 Pegangan teguh dalam prinsip hak kemanusiaan, prinsip perundangan negara dan keadilan serta menitikberatkan dan menghormati perundangan antarabangsa.

### **4. Visi**

**“Masyarakat wilayah sempadan Selatan mempunyai keselamatan, tanpa syarat penyebab keganasan. Jalanan kehidupan semua dilindungi dan dibangunkan di atas dasar masyarakat berpelbagaian budaya dan bermuafakat dalam proses penciptaan keamanan yang kekal.”**



## 5. Tujuan

Supaya penyelesaian masalah bersesuaian dan betul dengan keadaan masalah, garisan pemikiran dan visi, maka ditentukan tujuan-tujuan dasar sebanyak 6 perkara adalah seperti berikut:

1) supaya wilayah sempadan Selatan mempunyai keselamatan, keamanan, kepercayaan antara satu sama lain tanpa syarat yang mendorong kepada penggunaan keganasan dari setiap pihak.

2) supaya membangunkan permuafakatan dari setiap pihak di kawasan tersebut dengan memberi peluang penduduk bermuafakat dalam membangun dan menyelesaikan masalah wilayah sempadan Selatan secara bersama.

3) supaya masyarakat Thai dan masyarakat tempatan mengakui dan berpandang nilai kehidupan bersama di bawah masyarakat berpelbagaian budaya dan sama-sama bertanggungjawab dalam penyelesaian masalah wilayah sempadan Selatan.

4. supaya membangun kebolehan insan, masyarakat dan ekonomi yang selaras dengan kepelbagaian budaya dan intelektual tempatan serta mempunyai kesaksamaan dan keadilan dalam masyarakat secara rata demi menjadi kawasan yang sesuai untuk mendiami, melancong dan melabur.

5. supaya menciptakan keyakinan dan penjaminan secara berterusan dari segi proses dialog keamanan wilayah sempadan Selatan yang ditentukan sebagai Agenda Negara dan menyediakan permuafakatan dari setiap pihak yang berkaitan di bawah keadaan persekitaran yang sesuai untuk mencari jalan penyelesaian pergolakan.

6. supaya mencipta pemahaman tentang suasana sebenar yang berlaku kepada masyarakat di dalam dan luar negara demi masyarakat tersebut menyokong dan berperanan membantu dalam penyelesaian masalah wilayah sempadan Selatan.

## 6. Dasar

**Tujuan pertama supaya wilayah sempadan Selatan mempunyai keselamatan, keamanan dan kepercayaan antara satu sama lain tanpa syarat yang mendorong kepada penggunaan keganasan dari setiap pihak dengan**

1) **menciptakan kebolehan, tahap kemampuan dan mutu penjagaan keselamatan nyawa dan harta benda** dengan melindungi dan menyelesaikan masalah sampingan seperti dadah, perniagaan haram yang menyalahi undang-undang dan kumpulan samseng tempatan. Termasuk juga mengadakan kawasan selamat, mengurangkan kawasan yang dipengaruhi oleh kumpulan penganas dengan permuafakatan setiap jabatan dalam membina kekuatan komuniti dan kampung. Terdapat juga perlindungan keselamatan dan keadaan berjaga-jaga tercetusnya bahaya terhadap penduduk sasaran yang lemah dan komuniti yang berisiko.

2) **membangunkan mutu kerja pemberitaan bagi pihak penduduk dengan menitikberatkan pengumpulan maklumat dan pemeriksaan isu masalah yang masih membawa kepada syarat negatif di kawasan tempatan** dengan menekankan pemberitaan dari sumber penduduk awam, pemberitaan dari segi perlindungan, menambahkan mutu penyebaran maklumat berita kepada jabatan yang berkaitan dan penduduk setiap lapisan dengan cepat dan terkini.

3) **menciptakan kepercayaan dan permuafakatan antara pihak kerajaan dan penduduk** dengan menitikberatkan pemilihan dan pembangunan pegawai kerajaan setiap bahagian supaya mempunyai kesedaran, pandangan, gaya, tingkah laku keamanan dan penghormatan hak kemanusiaan dapat bertugas di wilayah sempadan Selatan. Selain daripada itu, terdapat rangkaian bersama antara pihak kerajaan dan penduduk dalam memantau dan

memeriksa pelaksanaan yang dilakukan oleh pegawai kerajaan supaya patuh di bawah garisan undang-undang. Bertambah lagi dengan menciptakan pengetahuan, pemahaman, membangunkan kemahiran ketika berdepan dengan pergolakan serta kemahiran budaya kepada pegawai kerajaan secara berterusan.

4) **menciptakan kepercayaan dalam proses keadilan kepada penduduk supaya berlaku secara nyata dalam setiap bidang** dengan menyelaraskan proses keadilan, penggunaan undang-undang secara adil dan tidak memilih kasih, benar-benar menghukumkan pesalah tanpa dikecualikan demi untuk menghapus syarat-syarat yang membawa kepada ketidakadilan setiap bentuk, membangunkan undang-undang yang selaras dengan jalanan kehidupan dan kebudayaan penduduk tempatan, menciptakan pengetahuan dan pemahaman tentang undang-undang dalam kawasan, menyokong pihak penduduk supaya dapat mengambil bahagian dalam proses keadilan, membangunkan sistem urusan keadilan dalam komuniti dan proses keadilan pilihan, mempercepatkan pencarian kebenaran berkaitan kes-kes atau kejadian yang diragu-ragukan supaya dapat titik penyelesaian yang diakui oleh masyarakat antarabangsa. Termasuk juga memberi pegawai kerajaan mempunyai kesedaran dalam melaksanakan mengikut undang-undang, peraturan, pelan pelaksanaan dan tradisi penghormatan kedaulatan undang-undang, keadilan undang-undang dan prinsip hak kemanusiaan dengan tegas.

5) **menghapuskan syarat dan punca yang mengakibatkan penduduk tempatan merasai berpecah belah atau ketidaksaksamaan** secara nyata demi membina perasaan dan suasana berbahagia dan bermaruah.

6) **mencipta kepercayaan dalam proses ganti rugi oleh pihak kerajaan supaya menyeluruh ke setiap kumpulan dan lapisan** dengan membangunkan sistem dan memperbaiki proses ganti rugi supaya berlaku secara betul, saksama, tidak memilih kasih, tidak lambat dan mempunyai sistem pemeriksaan, pemantauan dan penilaian supaya menambah mutu cara penggantirugian, penyekatan pencarian manfaat dan pembahagian habuan yang didapati dari penggantirugian oleh setiap pihak. Selain itu, menyokong kumpulan wanita dan kumpulan penduduk supaya berperanan dalam proses penggantirugian kepada mangsa dan orang yang menerima akibat darinya.

**Tujuan kedua supaya membangunkan permuafakatan dari setiap pihak di kawasan tersebut dengan memberi peluang penduduk bermuafakat dalam membangun dan menyelesaikan masalah wilayah sempadan Selatan bersama dengan**

1) **menyokong jabatan kerajaan bahagian pusat, bahagian kawasan, institusi pemerintahan bahagian tempatan, penduduk masyarakat, rakyat dan mereka yang berkepentingan setiap kumpulan dapat bermuafakat dalam membangun dan menyelesaikan masalah lebih banyak daripada dahulu** dengan menciptakan kakitangan pentadbiran pengurusan kerajaan yang bermutu dan membuka peluang kepada setiap kumpulan bermuafakat dalam setiap langkah penyelesaian masalah dan pembangunan kawasan. Selain daripada itu, mereka bermuafakat dalam proses penciptaan strategi, pelan pelaksanaan dan pelan kerja projek di bawah dasar pentadbiran dan pembangunan wilayah sempadan Selatan.

2) **menyokong pembukaan kawasan selamat pada setiap peringkat secara nyata supaya penduduk dan pihak yang berkepentingan di dalam dan luar kawasan berpeluang mengemukakan pendadappt secara bebas di atas dasar kepercayaan antara satu sama lain** dengan memberikan setiap kumpulan bermuafakat pada peringkat yang mampu memberi perubahan dari segi dasar dan pelaksanaan yang sebenar.

**3) menggalak, menyokong dan menambah peranan permuafakatan dalam membuat keputusan oleh pihak wanita, kanak-kanak dan remaja di setiap lapisan supaya mempunyai kekuatan dalam menyelesaikan masalah dan membangunkan kawasan tempatan di setiap pandangan secara berterusan dengan membangunkan penggunaan kebolehan mengikut jalan yang aman dan bermanfaat, mempergerakkan pelaksanaan demi menciptakan keamaan dalam rumahtangga, komuniti dan masyarakat atas dasar hak kebebasan antara lelaki dan wanita mengikut undang-undang perlembagaan negara Thai dengan memandang kepada kesesuaian keadaan dan tempatan.**

**Tujuan ketiga supaya masyarakat Thai dan masyarakat tempatan mengakui dan berpandang nilai kehidupan bersama di bawah masyarakat berpelbagaian budaya dan sama-sama bertanggungjawab dalam penyelesaian masalah wilayah sempadan Selatan dengan**

**1) menggalakkan nilai dan pengiktirafan jalanan kehidupan bersama di atas dasar masyarakat berpelbagaian budaya dengan penuh kehormatan, maruah dan kesaksamaan dengan memberi penghormatan kepada setiap agama dan kaum serta memberi kepentingan bahasa, budaya dan pendidikan tempatan. Selain daripada itu, memupukkan nilai murni dan tingkah laku yang baik kepada remaja berdasarkan ajaran yang baik setiap agama.**

**2) menggalakkan proses penukaran pengetahuan kepada pegawai kerajaan setiap pihak** supaya mempunyai kesedaran, pemahaman yang mendalam, penerimaan dan pandang nyata tentang nilai identiti dari segi kebudayaan dan jalanan kehidupan penduduk tempatan. Termasuk juga supaya mereka memegang teguh prinsip nilai murni dalam pelaksanaan kerja serta berlaku pemilihan pegawai kerajaan yang berilmu pengetahuan, berkemampuan lagi memahami isu agama, bahasa dan budaya. Selain daripada itu, mereka dipupuk dengan semangat sukarelawan yang sedia melaksanakan kerja-kerja di kawasan tersebut dan mengadakan latihan kursus dalam menciptakan pemahaman secara berterusan.

**3) menggalakkan penduduk tempatan mampu menjalani kehidupan dan beramal ibadat mengikut kepercayaan agama masing-masing tanpa halangan** dengan menyesuaikan pandangan yang tidak betul, mengubalkan undang-undang dan peraturan yang berkaitan demi selaras dengan kebebasan dalam menjalani kehidupan mengikut kepercayaan agama dan menghapuskan tindakan berat sebelah dari segi kebudayaan. Selain daripada itu, setiap pihak mesti mempelajari, memahami dan mengakui jalanan kehidupan dan kebudayaan masing-masing demi penduduk merasai bahawa mereka adalah sebahagian daripada penduduk masyarakat Thai.

**4) menciptakan pemahaman dan kepercayaan antara sesama penduduk di dalam kawasan dan masyarakat Thai supaya dapat tinggal bersama dengan aman serta bermuafakat menyelesaikan masalah bersama** dengan membuka pentas perhubungan demi mencipta persefahaman tentang suasana sebenar yang berlaku di dalam kawasan. Selain daripada itu, dapat menukar pengetahuan berkaitan cara tinggal bersama secara aman atas perbezaan yang berpelbagaian terutamanya antara kanak-kanak dan remaja yang berlainan agama.

**Tujuan keempat supaya membangun kebolehan insan, masyarakat dan ekonomi yang selaras dengan kepelbagaian budaya dan intelektual tempatan serta mempunyai kesaksamaan dan keadilan dalam masyarakat secara rata demi menjadi kawasan yang sesuai untuk mendiami, melancong dan melabur dengan**

**1) membangunkan kebolehan penduduk masyarakat** dengan mempercepat pengurusan dan pembangunan kualiti pendidikan di setiap peringkat demi selaras dengan kehendak, janaan kehidupan dan kebudayaan tempatan yang sebenar. Selain daripada itu, membuka peluang kepada pemimpin agama, pakar bidang dan setiap kumpulan di dalam kawasan bermuafakat dalam mengemukakan pengurusan pendidikan, menggalakkan pembangunan ilmu pengetahuan, kemahiran bekerja dan memperluaskan peluang pendidikan terutamanya biasiswa dari dalam dan luar negara yang selaras dengan janaan kehidupan dan kehendak penduduk tempatan. Bertambah lagi, menjamin kedudukan yang kukuh kepada para graduan yang tamat pengajian dari luar negara termasuk membangunkan kebolehan buruh supaya selaras dengan keadaan ekonomi di dalam kawasan demi menjadi peluang perhubungan dengan pembangunan negara jiran dalam Komuniti Asean.

**2) mempercepatkan pelaksanaan pembangunan kualiti hidup dan kehidupan penduduk terutamanya mereka yang tidak berpeluang di kawasan wilayah sempadan Selatan dari segenap segi** dengan mendekati penduduk tempatan secara menyeluruh, saksama, menitikberatkan proses permuafakatan dari penduduk yang selaras dengan masalah, kehendak penduduk dan keadaan geo-sosial yang tertentu pada setiap kawasan. Selain daripada menyokong sukan, penciptaan perhubungan dan fahaman yang baik antara satu sama lain.

**3) menciptakan peluang dalam membangunkan ekonomi** dengan membangunkan infrastruktur, perdagangan sempadan dan pembangunan sumber manusia demi menyambut pembangunan ekonomi di dalam kawasan. Selain daripada itu, menyokong dasar ekonomi utama yang berhasil dari komuniti seperti getah, perikanan dan sebagainya demi mencukupi dari segi perdagangan. Seterusnya menyokong perusahaan halal yang menjadi punca kepada penciptaan kerja dan pendapatan penduduk. Seterusnya membangunkan projek ekonomi mencukupi di peringkat komuniti, penyebaran perusahaan, perkhidmatan dan pelancongan serta menyelesaikan masalah pengangguran. Bertambah lagi, memberi hak keistimewaan demi menjadi dorongan dalam pelaburan dan menggalakkan peranan perniagaan swasta demi bersedia menerima perkembangan Komuniti Asean.

**4) membangun dan menggalakkan pentadbiran pengurusan sumber alam di dalam kawasan demi paling bermanfaat terhadap pembangunan kualiti kehidupan dan penyelesaian masalah kemiskinan** dengan menyokong dan menambahkan peranan pihak rakyat, penduduk masyarakat dan pertubuhan tempatan dalam melindungi, menjaga, membahagi dan membaikpulih sumber alam terutamanya di kawasan perikanan pinggir pantai, hutan bencah, kawasan lembah dan kawasan hutan termasuk melindungi daripada kumpulan yang datang menggunakan sumber alam sekitar secara tidak adil.

**5) menggalakkan pembelajaran bahasa Thai, bahasa Melayu, dialek Melayu tempatan, bahasa Arab dan bahasa asing lain yang penting** dengan melaksanakan pada setiap peringkat pendidikan supaya mempunyai alat pencarian ilmu pengetahuan, alat perhubungan dan peluang dalam pembangunan setiap segi. Selain daripada itu, menjadi kebolehan penting dalam membuat persediaan menerima perhubungan dan menjalinkan hubungan dengan Dunia Melayu dalam garisan Komuniti Asean dan dengan Dunia Arab.

**Tujuan kelima supaya menciptakan keyakinan dan penjaminan secara berterusan dari segi proses dialog keamanan wilayah sempadan Selatan yang ditentukan sebagai Agenda Negara dan menyediakan permuafakatan dari setiap pihak yang berkaitan di bawah keadaan persekitaran yang sesuai untuk mencari jalan penyelesaian pergolakan dengan**

1) **menggalakkan proses dialog antara kumpulan yang menerima kesan daripada masalah wilayah sempadan Selatan yang berkaitan dengan prinsip, tujuan dan bentuk pembahagian kuasa yang sesuai yang terletak di atas dasar masyarakat berpelbagaian di wilayah sempadan Selatan di bawah hasrat perlembagaan negara Thai mengikut landasan antarabangsa yang tidak menjadi syarat kepada pembahagian kawasan dengan membukakan pentas dan mencipta suasana keadaan yang dapat meyakinkan dan menjadi penjaminan keselamatan berkaitan kebebasan mengemukakan pendapat dan dialog setiap kumpulan secara keseluruhan yang menunjukkan kebimbangan setiap kaum dan agama dalam masyarakat.**

2) **menggalakkan berterusannya proses dialog keamanan wilayah sempadan Selatan dengan kumupulan orang yang berpendapat dan pemikiran yang berlainan dengan pihak kerajaan supaya berlaku perpaduan dan membina penjaminan keselamatan dalam mengambil bahagian mengemukakan pendapat dari pihak yang menerima kesan setiap kumpulan dalam proses keamanan wilayah sempadan Selatan dengan melaksanakan kerja-kerja mengikut pelan penggerakan proses dialog keamanan wilayah sempadan Selatan secara berkesan.**

3) **menciptakan persediaan dan pemahaman setiap bahagian dalam proses dialog keamanan wilayah sempadan Selatan** tertentunya pada jabatan-jabatan kerajaan, pihak media dan penduduk awam di dalam dan luar kawasan supaya mempunyai pengetahuan serta pemahaman terhadap langkah-langkah pembangunan suasana yang sebenar proses dialog keamanan wilayah sempadan Selatan. Selain daripada itu, mereka tersebut mengambil bahagian dalam penyokongan proses dialog keamanan wilayah sempadan Selatan secara berterusan.

**Tujuan keenam supaya mencipta pemahaman tentang suasana sebenar yang berlaku kepada masyarakat di dalam dan luar negara demi masyarakat tersebut menyokong dan berperanan membantu dalam penyelesaian masalah wilayah sempadan Selatan dengan**

1) **membangunkan kakitangan, bentuk perhubungan dan permuafakatan antara jabatan-jabatan kerajaan dan bahagian swasta** melalui media kerajaan dan swasta, rangkaian masyarakat online, institusi pengajian tinggi, institusi keagamaan termasuk pentas awam dalam menyebarkan pengurusan yang berkaitan dengan penyelesaian masalah wilayah sempadan Selatan merangkumi pemberian maklumat kepada masyarakat dalam dan luar kawasan supaya memahami dan bermuafakat secara positif dalam menyelesaikan masalah yang berlaku.

2) **menciptakan persefahaman yang baik, permuafakatan dengan negara jiran, pertubuhan antarabangsa dan organisasi pembangunan swasta yang lain berkaitan maklumat tentang suasana di wilayah sempadan Selatan** melalui penyebaran hasil pelaksanaan mengikut dasar kerajaan, maklumat tentang hak, kebebasan, kesaksamaan dan kesetaraan rakyat setiap kaum demi untuk menyatupadukan perhubungan dalam menyokong dan membantu penyelesaian masalah di wilayah sempadan Selatan.

## **7. Pentadbiran Pengurusan**

Supaya pentadbiran dasar dan pengubahan dasar kepada pelaksanaan demi berhasil mengikut tujuan dasar secara bermutu, berhasil dan menjadi nyata, maka diberi kepentingan kepada pentadbiran pengurusan di tangga pertama adalah seperti berikut:

**7.1 mengadakan perubahan dasar ke tahap pelaksanaan dengan mencipta strategi dan pelan pelaksanaan untuk menyokong dasar yang selaras dan menyokong ke arah yang sama** dengan menciptakan cara pelaksanaan yang bersepadu dan penyatuan bekerjasama di peringkat dasar, peringkat perubahan dasar ke tahap pelaksanaan dan peringkat pelaksanaan. Kesemua tersebut mempunyai kuasa, tugas dan tanggungjawab yang nyata, bersistem pentadbiran pengurusan, penyatuan bekerjasama pelan projek dan perbelanjaan serta menyokong pelaksanaan mengikut dasar yang sepadu dan berkualiti di bawah proses permuafakatan penduduk. Selain daripada itu, mempunyai pembangunan sistem pemantauan dan penilaian dasar, strategi, pelan pelaksanaan setiap peringkat yang konkrit dan berterusan dan mempunyai penentuan petunjuk kejayaan yang nyata.

**7.2 mempunyai pelaksanaan supaya jabatan kerajaan dan kakitangan kerajaan yang berkaitan secara langsung dengan penyelesaian masalah wilayah sempadan Selatan mempunyai pemahaman yang sama tentang garisan pemikiran dan hala tuju dasar tentang penyelesaian masalah**, mempunyai kesedaran dalam penyatuan bekerjasama dan menitikberatkan dalam pelaksanaan tugas sepenuh kebolehan demi menyelesaikan masalah dan menyokong antara satu sama lain secara berpadu.

**7.3 mencipta dan membangunkan rangkaian sokongan pelaksanaan mengikut dasar yang meliputi kawasan dan jabatan yang berkaitan** dengan memberi peluang pihak kerajaan, penduduk tempatan, pihak swasta, rangkaian sosial di dalam dan luar kawasan serta masyarakat dunia terutamanya negara jiran, Komuniti Asean dan Dunia Islam supaya mengambil bahagian selaku rangkaian lanjutan dari dasar ke pelaksanaan. Selain daripada itu, terdapat saluran pengaduan, pemeriksaan, penyusulan dan penilaian pelaksanaan yang dijalankan oleh pihak kerajaan. Seterusnya terdapat penyokongan perbelanjaan untuk memudahkan setiap jabatan dalam pelaksanaan penyelesaian masalah bersama pihak kerajaan oleh setiap pihak bersama dengan menyokong penggunaan teknologi maklumat yang sesuai dalam penyokongan pelaksanaan tugas oleh jabatan-jabatan termasuk perhubungan dengan penduduk tempatan.

## **8. Faktor Kejayaan**

**8.1 memberi kepentingan dalam penyelesaian masalah wilayah sempadan Selatan termasuk proses dialog keamanan wilayah sempadan Selatan sebagai agenda Negara dengan mengadakan penyokongan pelaksanaan dari kerajaan tidak kira dari segi pentadbiran, pelan projek dan perbelanjaan yang nyata dan berterusan** demi setiap pihak yang berkaitan mempunyai persepaduan dari segi pemikiran, hala tuju, garis panduan dan pentadbiran pengurusan bersama-sama mengumpul tenaga dalam menyelesaikan masalah mengikut dasar yang ditetapkan.

**8.2 setiap pihak yang mempunyai kepentingan secara langsung dengan masalah wilayah sempadan Selatan mengaku dan mengambil bahagian dalam penyelesaian masalah mengikut dasar demi menjadi jaminan dalam penyelesaian masalah yang bermutu** dalam bentuk sekutu rangkaian tidak kira di peringkat dasar, strategi dan peringkat pelaksanaan secara meluas serta selaras dengan masalah dan kehendak kumpulan sasaran.

**8.3 mempunyai pengubahsuaian dengan menggunakan penyelidikan ilmiah dalam pelaksanaan penyelesaian masalah dan membangunkan wilayah sempadan Selatan mengikut dasar** demi menjadi tenaga penyokong penciptaan, pelaksanaan, penilaian dasar dan perubahan dasar kepada pelaksanaan tidak kira di peringkat strategi dan peringkat pelaksanaan yang konkrit.

.....

**Nama buku** Dasar Pentadbiran dan Pembangunan Wilayah Sempadan Selatan Tahun 2017-2019

**Dicetak kali pertama** Oktober 2016 sebanyak 1,000 buah

**Diciptakan oleh** **Jabatan Strategi Keselamatan Wilayah Sempadan Selatan dan Kaum Berlaian Budaya (So.Cho.To.)**  
**Tel 0-2142-0151-3 Faks 0-2143-9351**

**Dicetakkan di** **Syarikat Nabna Creation Sendirian Berhad.**  
**397 Lorong Lad Prao 93, Mukim Khlong Chao Khun Sing, Daerah Wang Thaong Lang, Bangkok 10310 Tel 087-935639**  
**E-mail : NabNaCRction@gmail.com**



So.wo. (So.no.cho.) 0007/6378

Jabatan Setiausaha Agong Dewan Negara  
bertugas sebagai Jabatan Setiausaha Agong Dewan  
Perundangan Negara,  
Dewan Perundangan Negara,  
Jalan U-Thong Nai, Bangkok 10300

14 November 2016

Perkara                      Mengambil maklum Draf Dasar Pentadbiran dan Pembangunan Wilayah  
Sempadan Selatan Tahun 2017-2019

Kepada                      Setiausaha Agong Jemaah Menteri

Surat rujukan              Surat Jabatan Perdana Menteri No.ro. 0503/34948 bertarikh 20  
September 2016

Berdasarkan surat rujukan di atas, Jemaah Menteri telah mengemukakan Draf Dasar Pentadbiran dan Pembangunan Wilayah Sempadan Selatan Tahun 2017-2019 kepada Dewan Perundangan Negara untuk mengambil maklum mengikut Perkara yang ke-4, Akta Pentadbiran Kerajaan Wilayah Sempadan Selatan Tahun 2010.

Dalam mesyuarat Dewan Perundangan Negara kali ke-71/2016 pada Jumaat 11 November 2016, ahli mesyuarat telah mengambil maklum draf tersebut.

Dengan itu dinyatakan supaya diambil maklum.

Dengan hormat

(Encik Surat Wangtolap)  
Penasihat Sistem Perundangan, bertugas sebagai pengganti  
Setiausaha Agong Dewan Negara  
bertugas sebagai Setiausaha Agong Dewan Perundangan Negara

Cawangan Mesyuarat  
Tel. 0 2831 9447-8  
Faks 0 2831 9448

Salinan disahkan benar

(Cik Natthira Chatchajirakulrot)  
Pegawai Perundangan Mahir  
Bahagian Perundangan





No. ro. 0503/42624

Jabatan Setiausaha Agong Jemaah Menteri,  
Pusat Pentadbiran Negara, Bangkok 10300

15 November 2016

Perkara                   Draf Dasar Pentadbiran dan Pembangunan Wilayah Sempadan Selatan Tahun 2017-2019

Kepada                   Setiausaha Agong Majlis Keselamatan Negara

Surat rujukan           Surat Jabatan Setiausaha Agong Jemaah Menteri No.ro. 0503/35410 bertarikh 22 September 2016

Lampiran                Salinan surat Jabatan Setiausaha Agong Dewan Negara, bertugas sebagai Jabatan Setiausaha Agong Dewan Perundangan Negara, So.wo. (So.no.cho.) 0007/6378 bertarikh 14 November 2016

Berdasarkan pernyataan bahawa telah dikemukakan Draf Dasar Pentadbiran dan Pembangunan Wilayah Sempadan Selatan Tahun 2017-2019 supaya Dewan Perundangan Negara mengambil maklum mengikut keputusan Jemaah Menteri itu,

Jabatan Setiausaha Agong Dewan Negara bertugas sebagai Jabatan Setiausaha Agong Dewan Perundangan Negara telah memberitahu bahawa dalam mesyuarat Dewan Perundangan Negara kali yang ke-71/2016 pada Jumaat 11 November 2016, ahli mesyuarat telah mengambil maklum draf tersebut. Maklumat lanjut adalah mengikut perkara yang dilampirkan.

Dengan itu dinyatakan supaya diambil maklum.

Dengan hormat

(Sawitree Chamnankit)

Pengarah Bahagian Perundangan, bertugas sebagai pengganti  
Setiausaha Agong Jemaah Menteri

Bahagian Perundangan  
Tel 0 2289 9000 sambung 305 (Natthira)  
Faks 0 2280 9058  
(Perkara mengemukakan Kho.so.cho./lain-lain/ambil maklum/14 Nov 16)